

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CYHE [GOPENG]**

**TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)**

**SOALAN : Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan usaha-usaha yang diambil untuk meningkatkan pendapatan golongan petani.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan pendapatan petani. Antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Mengadakan latihan kemahiran, kursus serta memperkasakan program modal insan bertujuan membekalkan petani dengan ilmu yang berkaitan dengan bidang pertanian yang diusahakan. Antara bentuk latihan kemahiran yang disediakan seperti latihan *transfer of technology*, latihan *hands on* di ladang dan sebagainya lagi. Dengan ilmu yang dibekalkan, petani diharapkan akan dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran hasil yang berkualiti yang seterusnya akan menjana lebih pendapatan;

- (ii) Menggalakan penglibatan petani untuk melaksanakan projek secara komersil dan berskala besar seperti dalam penanaman padi berskala besar dengan pengurusan secara berpusat;
- (iii) Membina, menaik taraf infrastruktur pengairan dan ladang agar projek tanaman yang diusahakan dapat dilaksanakan dengan optima dan memberikan lebih pulangan kepada petani;
- (iv) Memperkasakan peranan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dalam penyediaan input pertanian, sumber pembiayaan dan sebagainya mengikut keperluan petani. Selain memperkasakan Unit Peladang untuk memaksimumkan penglibatan ahli-ahli PPK dalam setiap program yang dilaksanakan;
- (v) Membina infrastruktur yang diperlukan petani seperti Pusat Belian Padi dan Pasar Tani bagi mengatasi peranan orang tengah yang boleh mengurangkan pendapatan petani;
- (vi) Mengagihkan segala bantuan kerajaan secara terus kepada golongan sasar atau petani bagi meningkatkan kesejahteraan mereka;
- (vii) Memperkenalkan program-program peningkatan hasil keluaran pertanian seperti Program Bantuan Tanam Semula Pokok Buah-buahan Terpilih, Projek Pembangunan Kluster Tanaman, Projek Pakej Amalan Teknologi, Projek Fertigasi Rakyat dan pelbagai projek dan program; dan
- (viii) Menggalakkan petani menambah nilai kepada keluaran pertanian yang diusahakan menerusi program-program pembangunan industri asas tani.

Kesemua usaha ini diperkenalkan bagi membantu petani agar berupaya meningkatkan pendapatan dan sekali gus menaiktaraf kehidupan mereka.